

Dewan Rakyat lulus Bajet 2017

UTWAN

KUALA LUMPUR 8 Nov. - Sidang Dewan Rakyat hari ini meluluskan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 peringkat dasar melalui undian belah bahagi.

Seramai 117 ahli Parlimen menyokong rang undang-undang berkenaan berbanding 70 yang menolak dan 11 pula tidak mengundi.

Keputusan itu diumumkan oleh Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia.

Bagaimanapun, melalui laman Facebook Ahli Parlimen Kuala Nerus dari Pas, Datuk Dr. Mohd. Khairudin Aman Razali, Pas mengambil pendirian berkecuali dalam undian tersebut.

Terdahulu, undian belah bahagi itu dijalankan berikutan permintaan daripada ahli Parlimen pembangkang.

Rang undang-undang itu akan dibahaskan di peringkat jawatan-kuasa bermula esok.